

13/05/2000

34 pelajar IMU jumpa Mahathir

Mohd Fuad Razali

HARAPAN 34 pelajar Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) yang ditaja oleh Mara untuk menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri bagi menyampaikan rayuan mengenai kes mereka, tercapai juga kelmarin.

Dalam perjumpaan yang singkat itu, mereka berpeluang mengemukakan masalah yang dihadapi serta menyampaikan memorandum dan surat kepada Dr Mahathir.

Wakil pelajar terbabit, Mohd Hafarozzi Harun, berkata dalam perjumpaan itu mereka menceritakan kes yang dihadapi serta meminta pihak Mara mengkaji balik keputusan tidak menghantar mereka ke luar negara, sebaliknya menunaikan janji yang dibuat oleh agensi itu sebelum ini.

"Memandangkan keadaan ekonomi sudah pulih, maka kami berpendapat Mara patut menunaikan janjinya untuk menghantar kami ke luar negara," katanya kepada Berita Harian.

Dalam perjumpaan itu, katanya, Dr Mahathir memaklumkan beliau tidak dapat membuat keputusan mengenai perkara itu sekarang.

Bagaimanapun, katanya, Perdana Menteri berjanji untuk meminta pegawai Jabatan Perdana Menteri menghubungi pengurusan IMU supaya tarikh tutup permohonan belajar ke luar negara ditunda bagi membolehkan mereka mengemukakan permohonan masing-masing.

IMU menetapkan tarikh tutup untuk pelajar terbabit berbuat demikian ialah semalam.

Sebelum ini, Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim mendedahkan mengenai masalah yang dihadapi pelajar terbabit.

Mereka dikatakan tidak dibenarkan berbuat demikian oleh IMU kerana Mara tidak mengeluarkan sebarang arahan bertulis membenarkan mereka berbuat demikian.

Ini kerana sebelum ini Mara dikatakan sudah memutuskan pelajar yang pada asalnya dijanjikan untuk dihantar ke luar negara itu, supaya meneruskan pengajian mereka sehingga tamat di universiti berkenaan.

Pelajar terbabit adalah lepasan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) yang dipilih mengikuti program perubatan di IMU oleh Mara menerusi program khas bagi tujuan menyediakan ahli profesional Melayu dalam bidang perubatan pada 1997/98.

Pada sesi 1997/98 mereka mengikuti program matrikulasi di Kolej Taylor's dan Kolej Antarabangsa Pulau Pinang. Selepas itu meneruskan pengajian peringkat sarjana muda dalam bidang perubatan di IMU pada sesi 1998/99.

Pada mulanya Mara berjanji akan menghantar pelajar terbabit ke seberang laut selepas selesai dua setengah tahun pengajian di IMU untuk meneruskan pengajian pada peringkat klinikal selama dua setengah tahun lagi.

Atas alasan kegawatan ekonomi, katanya, Mara membuat keputusan supaya pelajar terbabit meneruskan pengajian di Sekolah Klinikal IMU yang baru saja ditubuhkan di Seremban.

Bagaimanapun, pelajar terbabit membangkitkan sekolah itu masih baru dan belum mempunyai kemudahan mencukupi untuk pelajar membuat latihan klinikal. Selain itu program yang ditawarkan juga belum mendapat akreditasi daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

Beliau juga ragu-ragu dengan alasan Mara tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk menghantar pelajar terbabit kerana Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Nazri Aziz baru-baru ini mengumumkan akan menambah kouta

menaja pelajar Bumiputera yang akan dihantar ke luar negara bagi melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan dan perubatan.

Sementara itu, Pengerusi dan Ketua Eksekutif LAN, Prof Dr Mohamed Suleiman, mengesahkan IMU belum memperoleh akreditasi bagi program yang ditawarkan itu.

Menurutnya, IMU sudah memperoleh kelulusan untuk menjalankan program berkenaan selepas LAN berpuas hati dengan jaminan kualiti yang diberikan oleh universiti berkenaan.

"Selepas itu, mereka memohon untuk mendapat perakuan akreditasi. Perkara ini dalam proses dan dijangka mengambil masa satu hingga dua tahun lagi memandangkan kumpulan pertama pelajar yang mengikuti program itu belum tamat.

"Panel penilai perlu tunggu sehingga kumpulan pertama memasuki tahun akhir pengajian terlebih dahulu sebelum boleh memutuskan IMU layak mendapat akreditasi atau tidak bagi program berkenaan," katanya.

Dr Mohamed berkata, perakuan akreditasi tidak boleh diberikan berdasarkan penilaian tahun pertama pengajian semata-mata, sebaliknya penilaian menyeluruh pada semua tahap pengajian perlu dilakukan.

(END)